

## TEATER FORUM SEBAGAI STRATEGI PERKEMBANGAN EMOSI MORAL: SATU KAJIAN TINDAKAN

Nadarajan a/l Thambu  
*nadarajanthambu@gmail.com*  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya

Vishalache Balakrishnan  
*visha@um.edu.my*  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya

**Abstract:** Raising a moral person remains an important priority in the national curriculum and education system in Malaysia. In this regard, the use of teaching techniques which can stimulate moral development among students is the current concern. This article discusses an alternative method of teaching in the secondary moral education classroom using Forum Theatre as a teaching technique to develop moral emotions among secondary students. Action research was used to collect the relevant data. A total of 18 participants were involved in this study. Data was collected through observation, focus group interviews, journal entries and video recordings. Data collected using multiple methods were analysed using thematic analysis. The results prove that Forum Theatre can be an effective teaching technique to stimulate and increase student's awareness and recognition of their own emotions in resolving moral issues.

**Keywords:** action research, Forum Theatre, moral education, emotion, technique

### PENGENALAN

Program Pendidikan Moral di Malaysia bertujuan untuk melahirkan insan berakhlak mulia yang memiliki perwatakan positif. Murid harus memiliki perwatakan positif yang terdiri daripada dimensi pemikiran, perasaan dan tindakan moral (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan IV KBSM, 2004). Ketiga-tiga elemen ini perlu untuk pencapaian tahap kematangan moral individu. Jelasnya, kemoralan tidak hanya boleh ditaksir dari aspek pencapaian kognitif semata-mata. Kemoralan juga seharusnya melibatkan perkembangan emosi moral yang boleh ditransformasikan melalui peri laku individu (Vishalache, 2009).

Oleh itu, pengajaran yang merangsang pertumbuhan emosi murid perlu untuk melahirkan murid yang memiliki perasaan dan sensitiviti moral. Perkembangan emosi moral yang mampu menyentuh kesedaran hati nurani individu, dapat menangani gejala sosial yang berleluasa dalam kalangan murid. Hal ini kerana, menurut Abdul Rahman Aroff dan Chang (1994), peningkatan masalah sosial seperti vandalisme, kecurian dan penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja berpunca daripada kurangnya aspek celik emosi.

Menurut Chang (2003), emosi moral merujuk kepada perasaan seseorang individu yang timbul hasil daripada pemikiran moral. Emosi moral memberi rangsangan kepada seseorang untuk bertindak secara bermoral. Emosi atau perasaan ini juga tidak dapat diketepikan dalam membuat sesuatu tindakan atau keputusan moral. Jelasnya, aspek celik emosi menjadi unsur penting dalam transformasi kelakuan, perbuatan dan amalan yang berdasarkan nilai dan norma masyarakat. Oleh itu, pengajaran Pendidikan Moral perlu menggunakan pedagogi yang sejajar dengan keperluan pembelajaran sikap dan kemahiran afektif mereka (Lovat & Clement, 2008). Mereka mendesak bakal-bakal guru untuk menguasai pedagogi dan teknik untuk merealisasikan pembentukan moral dan perwatakan sebagai matlamat langsung kurikulum.

Hal ini kerana, kajian oleh Basourakos (1999), dan Noddings (1994) menunjukkan adanya hubungan langsung di antara aspek afektif (emosi moral) dan tingkah laku murid. Menurut Chia (2007), pengabaian aspek emosi moral tidak dapat menjamin perlakuan atau tindakan moral seseorang. Pedagogi pengajaran Pendidikan Moral harus menekankan aspek emosi moral (Abd. Shatar, 2009). Murid yang tidak ada perasaan moral sebenarnya tidak mempunyai motivasi untuk mengambil tindakan yang bermoral atau mengambil keputusan secara bermoral (Winston, 1999). Menurut Vishalache (2011), aspek memahami perasaan orang lain dapat merangsang kematangan moral sehingga individu dapat bertingkah laku mengikut piawai moral yang diinginkan oleh masyarakat.

Mayhew dan King (2008) pula mencadangkan guru-guru untuk menggunakan pedagogi pengajaran yang dapat mengungkapkan aspek celik emosi secara langsung. Dalam perbincangan tentang celik emosi misalnya, Liau et al. (2003) juga bersetuju dengan Dewey (1909) bahawa pengajaran lebih efektif apabila guru menggunakan peristiwa sebenar yang ada kaitan dengan masalah manusia sebenar dalam hubungannya dengan dunia mereka. Hal ini kerana, murid hadir ke sekolah dengan sejumlah pengetahuan yang dipungut daripada pengalaman hidup mereka (Kincheloe, 2008). Menurut Kolb (1984) pembelajaran dapat diperoleh melalui aksi atau tindakan, kerana pembelajaran ialah proses, yang mana pengetahuan dijana melalui transformasi daripada pengalaman.

Maka, pengajaran yang berdasarkan kepada situasi dan respons kepada konteks yang dipenuhi dengan pengalaman seperti Teater Forum (Osburn, 2010) wajar ditangani untuk merangsang emosi moral murid. Teater Forum ialah satu bentuk teater yang diperkenalkan oleh pengarah teater Brazil, Augusto Boal (Babbage, 2004). Boal (2008), menggunakan teater sebagai teknik agar peserta dapat menggubal konflik moral sebenar yang dihadapi dalam kehidupan harian sebagai skrip lakonan sambil mencari jalan penyelesaian kepada konflik tadi.

Sorotan kajian lepas menunjukkan Teater Forum dapat merangsang peserta untuk terlibat secara emosi. Kajian oleh Day (2002), menunjukkan Teater Forum telah melatakan diri peserta ke dalam situasi orang lain sama ada ke dalam watak cereka yang dilakonkan mahupun terhadap insan sebenar yang mereka kenali di sekolah. Teknik Teater Forum juga bersifat interaktif, aktif dan kaya dengan pengalaman pembelajaran yang bersifat emotif (Durden, 2003). Kajian Hewson (2007), menunjukkan Teater Forum mampu menerapkan wawasan, tingkah laku, emosi diri sendiri dan emosi terhadap orang lain. Dapatan kajian Freed (2009) menunjukkan, adanya peningkatan kesedaran dalam aspek-aspek seperti sikap empati, rasa bersalah dan kerjasama dalam kalangan pelajar yang dikaji. Stoker (2010) pula menyatakan bahawa Teater Forum dapat merangsang pelajar untuk aktif berkomunikasi dan bertindak tanpa perasaan takut dan malu. Kajian Wan (2010) pula menunjukkan Teater Forum dapat mengembangkan aspek menyayangi (*ethic of care*) para peserta kajian.

Oleh itu, secara khusus artikel ini membincangkan penggunaan Teater Forum sebagai teknik pengajaran Pendidikan Moral. Prosedur pelaksanaan Teater Forum dalam reka bentuk kajian tindakan juga dipaparkan. Subjek Pendidikan Moral menjadi pilihan untuk dikaji kerana, salah satu objektif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 ialah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai. Usaha ini cuba direalisasikan secara langsung dengan mengukuhkan pelaksanaan Pendidikan Moral di sekolah dengan lebih tumpuan kepada pemupukan perpaduan dan persefahaman yang erat di antara murid (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Dalam hubungan ini, proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di bilik darjah menjadi pemangkin untuk melahirkan generasi yang bermoral. Dalam pada itu, elemen emosi pula menjadi asas untuk melahirkan warganegara Malaysia yang penyayang, menghargai nilai-nilai moral serta yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

## TEKNIK TEATER FORUM

Dalam kajian ini murid terlibat dalam empat langkah Teater Forum seperti yang disyorkan oleh Boal (2008) iaitu, (a). mengembangkan skrip (b). lakonan "anti-model" (c). sesi forum dan (d). lakonan intervensi.

### i. Mengembangkan Skrip

Dalam sesi ini murid diminta untuk mengembangkan sebuah skrip berdasarkan pengalaman mereka. Peserta menentukan masalah atau konflik moral daripada pengalaman harian dan perspektif mereka. Fokus cerita ini ialah konflik, atau apa yang disebut oleh Boal (2008) sebagai "penindasan" wujud. Peserta dalam kajian ini telah menulis tiga buah skrip lakonan yang menggambarkan senario penindasan dalam tiga gelung kajian tindakan. Skrip A (berkaitan konflik di antara pengguna jalan raya dan pegawai polis), ditulis dalam gelung 1, skrip C (konflik di antara murid dan guru di premis sekolah) dicipta dalam gelung 2 dan skrip E (konflik di antara anak dan ibu bapa dalam keluarga) ditulis dalam gelung 3.

### ii. Lakonan Anti-Model

Selepas penghasilan skrip, peserta telah melakonkan ketiga-tiga skrip tersebut. Hal ini kerana Teater Forum dapat menukarkan pengalaman yang abstrak kepada pengalaman yang konkrit (Gourd & Gourd, 2011; Hammond, 2012). Pendekatan artistik ini yang melibatkan ekspresi wajah, vokal, dialog, pergerakan badan dan gerak mata dapat memudahkan pemahaman murid tentang sesuatu isu. Dalam konteks kajian ini, tiga lakonan anti-model dipersembahkan dalam tiga gelung kajian tindakan. Skrip A dilakonkan sebagai lakonan anti-model dalam gelung 1, skrip C dilakonkan sebagai lakonan anti-model dalam gelung 2 dan skrip E dilakonkan sebagai lakonan anti-model

dalam gelung 3. Setiap lakonan anti-model berakhir tanpa penyelesaian kepada penindasan yang dialami oleh watak yang teraniaya.

### iii. Sesi Forum

Selepas lakonan anti-model selesai seorang “Joker” telah mengendalikan sesi forum. Dalam sesi forum, Joker telah berbincang dengan penonton tentang masalah yang dipaparkan dalam lakonan anti-model. Joker meminta penonton untuk memikirkan idea yang boleh dilaksanakan untuk menyelesaikan konflik yang dialami oleh watak-watak yang tertindas. Perbincangan dan penyertaan penonton yang dikenali sebagai “forum” dalam Teater Forum telah berakhir dengan sejumlah penyelesaian yang telah dicadangkan oleh penonton. Dalam kajian ini sesi forum dikendalikan selepas lakonan anti-model. Misalnya dalam gelung 1, selepas selesai lakonan anti-model skrip A, sesi forum diadakan untuk membincangkan cara penyelesaian kepada masalah yang dipaparkan dalam skrip A. Sesi forum dengan prosedur yang sama dikendalikan dalam gelung 2 (selepas lakonan anti-model skrip C) dan dalam gelung 3, selepas lakonan anti-model skrip E.

### iv. Lakonan Intervensi

Dalam intervensi Teater Forum, lakonan anti-model telah dipersembahkan untuk kali yang kedua. Pada peringkat ini, penonton (*spectator*) telah berubah peranan menjadi penonton/pelakon atau “spect-actors” (Boal, 2008). Sesi intervensi ini membenarkan *spect-actors* untuk memberhentikan lakonan dengan teriakan “HENTI”. Mereka telah menawarkan penyelesaian melalui interaksi seperti melangkah masuk dan keluar ke dalam persembahan. Para *spect-actors* telah menawarkan semua idea, strategi dan cara penyelesaian alternatif yang munasabah kepada aksi watak yang tertindas.

Tujuan sesi intervensi ialah untuk memberikan pengalaman kepada peserta agar pengalaman ini menjadi satu “latihan” untuk menghadapi realiti kehidupan. Sebanyak tiga sesi lakonan intervensi telah dilaksanakan dalam tiga gelung kajian tindakan. Dalam gelung 1, skrip B, dalam gelung 2 skrip D dan dalam gelung 3, skrip F telah dilakonkan sebagai lakonan intervensi.

## METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dalam reka bentuk kajian tindakan (*action research*). Kajian tindakan ialah metodologi yang digunakan untuk mengkaji dan memperbaiki amalan pengajaran dan keberkesanan pembelajaran murid. Penyelidik menggunakan model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) yang mempunyai beberapa gelungan.

Model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) menjadi prototaip yang sesuai kerana, teknik Teater Forum perlu dilaksanakan dalam beberapa fasa gelungan untuk melihat keberkesanan dan kesesuaian teknik ini dalam mencapai matlamat pembelajaran murid. Dalam hubungan ini penyelidik perlu mengkaji, membuat penemuan dan interpretasi tentang potensi Teater Forum dalam mengembangkan aspek emosi moral peserta. Model ini membantu penyelidik untuk melaksanakan teknik Teater Forum dengan sistematik dan refleksi daripada setiap gelungan telah dijadikan panduan atau titik rujukan pengubahsuaian terhadap teknik. Proses mengutip data dan refleksi telah berlaku berulang kali dalam setiap gelung sehingga berlaku peningkatan dalam amalan pengajaran yang menggunakan teknik Teater Forum. Setiap gelungan mempunyai empat fasa iaitu, i. merancang, ii. melaksana, iii. memerhati dan iv. refleksi. (Rujuk rajah 1).

### Peserta Kajian

Peserta kajian dipilih secara pensampelan bertujuan seperti yang disyorkan oleh Richards dan Morse (2007). Seramai 18 orang murid perempuan dan lelaki (tiga kumpulan berfokus) dari kelas Pendidikan Moral tingkatan empat telah digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Mereka telah dibahagikan kepada tiga kumpulan (enam orang dalam satu kumpulan) dan setiap kumpulan telah melakonkan sebuah skrip sebagai lakonan anti-model dalam setiap gelung.

### Prosedur Kajian

Kumpulan A telah melakonkan skrip A dalam gelung 1 (anti-model), manakala kumpulan B dan kumpulan C menjadi *spect-actor*. Dalam gelung ke-2 pula, Kumpulan B telah melakonkan skrip C (anti-model) dan kumpulan A dan kumpulan C pula menjadi *spect-actor*. Manakala dalam gelung ke-3 kumpulan C pula melakonkan skrip E (anti-

model) dan kumpulan A dan kumpulan B menjadi *spect-actor*. Kumpulan yang menjadi *spect-actor* ditugaskan untuk melibatkan diri dalam lakonan intervensi.

*Gelung 1*

Dalam fasa I penyelidik telah memperkenalkan Teater Forum di dalam kelas Pendidikan Moral. Dalam fasa II, peserta kajian telah menghasilkan skrip A dan skrip ini telah dipersembahkan dalam bentuk lakonan anti-model. Setelah lakonan anti-model selesai, sesi forum telah dikendalikan oleh Joker. Selepas forum, lakonan anti-model dipersembahkan untuk kali yang kedua dan sesi intervensi telah dilaksanakan oleh para “*spect-actors*”. Idea-idea (Skrip B) digunakan sebagai alternatif penyelesaian kepada masalah dalam sesi intervensi.


Segala proses dalam fasa II, telah diperhatikan dan data dikumpul untuk tujuan refleksi (fasa III dan IV). Data tadi telah dianalisis untuk mempertimbangkan kekuatan, kelemahan dan kelebihan Teater Forum dalam mencelikkan aspek emosi moral peserta. Kelemahan teknik Teater Forum yang dikenal pasti telah dibaiki untuk dilaksanakan sebagai pelan tindakan yang ditambah baik dalam gelung 2.

*Gelung 2*

Fasa merancang dalam gelung ke-2 dimulakan dengan pelan tindakan Teater Forum yang ditambah baik. Dalam fasa melaksana pula, skrip C telah ditulis dan dilakonkan sebagai lakonan anti-model. Setelah selesai sesi forum, sesi intervensi telah dilaksanakan dengan menggunakan idea penyelesaian bagi mengatasi masalah yang diutarakan dalam lakonan anti-model. Proses pengumpulan data dan refleksi dilaksanakan seperti dalam gelung 1.

*Gelung 3*


Segala proses merancang, melaksana, memerhati, merefleksikan dan mengutip data dalam gelung 1 dan gelung 2 diteruskan dalam gelung 3. Skrip E digunakan sebagai lakonan anti-model. Selepas sesi forum dan intervensi, data telah dikutip. Semua data daripada gelung 1 hingga gelung 3 dianalisis untuk menjawab soalan kajian.



Rajah 1. Model kajian tindakan  
(Sumber: diubahsuai daripada Kemmis & McTaggart, 1988)

## Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan Teater Forum dapat mencetuskan aspek emosi moral peserta. Penglibatan murid dalam Teater Forum telah mencetuskan kesedaran tentang perasaan yang wujud dalam diri sendiri. Antara perasaan yang dikatakan wujud dalam diri sendiri peserta ialah perasaan malu, rasa bersalah /menyesal, sedih, takut, berani, gembira/seronok, bangga, marah dan insaf. (Rujuk rajah 2).



Rajah 2. Kewujudan pelbagai perasaan sendiri

## Perasaan Malu

Dapatan kajian menunjukkan, peserta memiliki perasaan malu. Hal ini diakui dalam temu bual dan catatan jurnal mereka.

Pelajar 4: Mula-mula berlakon dalam situasi anti-model... macam ada rasa malu....sebab tak pernah berlakon. Tetapi selepas lakon saya rasa seronok berlakon....sebab ramai kawan-kawan bagi sokongan....macam saya berani cuba berlakon. [smk Suria/z010/temkumfokus/gelu1/5.2.13]

Temu bual menunjukkan, peserta sedar akan sikap malu yang ada dalam diri sendiri. Peserta mengaku perasaan malu yang wujud dalam diri menghalang mereka untuk melaksanakan aktiviti lakonan anti-model mahupun lakonan intervensi. Selain itu, analisis catatan jurnal juga menunjukkan, peserta malu apabila dilabelkan sebagai watak antagonis (watak jahat) dalam lakonan. Mereka malu untuk melakonkan perkara-perkara negatif walaupun sebagai watak cereka. Sikap ini ada pada kedua-dua peserta lelaki dan perempuan, dan dalam kaum Cina dan India. Rujuk catatan jurnal di bawah:

Kawan-kawan saya suruh saya lakonkan watak polis yang garang. Saya berasa sangat malu apabila hendak berlakon sebagai watak jahat. Saya malu diri sendiri melakukan perkara-perkara yang negatif. Saya tak suka lakonkan watak jahat macam polis yang jahat. [smk Cahaya/Jur/gel 1/3.2.13]

Saya tidak patut menjadi watak Tan yang tidak ada nilai sopan santun. Dalam lakonan anti-model, saya rasa malu untuk lakonkan watak ini. [smk Sinar/Jur/gel 2/ 27/2/13]

Catatan pemerhatian [smk Cahaya/propemer/gel 2/ shahno/8.3.13] juga mengesahkan peserta masih malu-malu untuk melakonkan watak negatif, seperti watak Tan yang tidak bersopan santun. Hal ini menjelaskan bahawa ramai murid tidak mahu melakukan atau 'menerima pakai' sesuatu perlakuan atau perwatakan yang bertentangan dengan keperibadian mereka. Suatu perkara yang agak menarik ialah 'emosi' penentangan terhadap perkara-perkara negatif seperti tidak mahu melakonkan watak negatif, dan tidak suka dirinya dilabelkan sebagai 'polis kurang ajar' walaupun untuk tujuan jenaka. Perasaan malu untuk melakukan perkara negatif dapat dilihat dalam kalangan peserta kajian.

### Rasa Bersalah/ Menyesal

Selain itu, peserta juga mempamerkan rasa sedih dan rasa bersalah kerana tidak memberikan kerjasama dalam kumpulan untuk menjayakan lakonan anti-model mereka. Perasaan ini dapat dilihat melalui ekspresi wajah dan nada suara rendah oleh peserta kajian sewaktu berbual.

Pelajar 3: Saya rasa macam bersalah bila kita tak bagi kerja sama...Saya tak mahu kumpulan kami kalah kerana saya...sebab itu dalam lakonan intervensi saya beranikan diri dan berlakon...ok lah..kami dapat buat lakonan itu.. [smk Suria/z010/temkumfokus/gelu1/5.2.13]

Di samping itu, peserta juga menunjukkan adanya rasa bersalah kerana tidak memberikan kerjasama kepada kumpulan dan kesukaran untuk mengatasi perasaan malu menghadapi khalayak ketika berlakon. Rujuk catatan jurnal berikut:

Saya mengakui bahawa saya bersalah kerana tidak berikan kerjasama kepada kumpulan. Kumpulan saya ramai lelaki, saya rasa susah untuk komunikasi dengan mereka. Saya malu ketika berlakon dalam lakonan anti-model di depan kelas. [smk Sinar/Jur/gel1/24.1.13]

Analisis data pemerhatian [smk Sinar/ propemer /gel 1/ros/22.1.13] terhadap lakonan intervensi menunjukkan Wilson (watak cereka) dapat menunjukkan emosi bahawa dia rasa bersalah kerana tidak membawa lesen. Watak Wilson ada menunjukkan mimik muka menyesal dan kecewa kerana melanggar peraturan jalan raya dengan tidak membawa lesen memandu.

### Perasaan Sedih

Analisis temu bual juga menunjukkan peserta kajian melalui dan mengalami perasaan watak-watak cereka yang dilakonan oleh mereka. Penghayatan terhadap sifat fizikal dan emosi watak cereka membolehkan peserta mempamerkan emosi sedih dalam lakonan anti-model dan intervensi. Perhatikan pengakuan mereka melalui temu bual di bawah.

Pelajar1: Macam saya berlakon sebagai Wilson yang sedih kerana disaman dalam situasi ini...saya sedih dulu baru tunjukkan sedih saya itu kepada orang lain... kepada penonton...lakonan ini bentuk perasaan sedih dalam diri[smk Sinar/z009/temkumfokus/gelu1/24.1.13]

Pelajar 3: Apabila kita menjadi watak tersebut... kita berlakon dengan perasaan watak itu. Dalam lakonan intervensi, Saya berlakon sebagai Cikgu Man yang menolong Rosdi..Saya sedih melihat Rosi patah kaki..[smk Cahaya/z017/temkumfokus/gelu2/22.2.13]

Pelajar 4: Saya berlakon sebagai watak Rosdi yang patah kaki..Saya tunjukkan kesedihan saya dengan menangis..dan dialog "Kaki saya sakit" Bila saya lakonan perasaan sedih saya faham sedih [smk Suria/z013/temkumfokus/gelu2/12.3.13]

Hasil temu bual menunjukkan Teater Forum bersifat amali, kerana para peserta berlakon dan mengalami sendiri setiap perasaan yang wujud. Teater Forum juga memberikan peluang kepada peserta untuk menunjukkan perasaan yang wujud dalam diri secara lebih praktikal melalui lakonan anti-model dan intervensi. Peserta yang memegang watak adik (skrip E) pula menyatakan dia sedar akan emosi seperti rasa bersalah dan sedih kerana meninggikan suara semasa berbincang dengan ayah (watak cereka) dalam lakonan intervensi. Catatan jurnal beberapa orang peserta kajian menjadi bukti pengakuan mereka:

Lakonan anti-model mengembangkan perasaan marah dan sedih saya terhadap ibu bapa yang tidak mahu mendengar pendapat anak-anak mereka. [smk Cahaya/Jur/gel 3/11.4.13]



Selain itu, catatan pemerhatian juga menunjukkan bahawa, peserta yang melakonkan lakonan anti-model, dapat menonjolkan emosi sedih yang dialami oleh mangsa kecederaan. Pelajar yang memegang watak Rosdi, (watak cereka) misalnya dikatakan dapat menunjukkan perasaan sedih kerana kakinya yang patah. Cara watak itu meraung kesakitan dan seolah-olah menangis kerana kecederaan yang dialami mampu menunjukkan penderitaan dan emosi kesedihan yang dialaminya. [smk Suria/propemer/gel 2/ yoka/11.3.13]

Emosi sedih, bimbang, dan risau pula ditunjukkan oleh peserta yang melakonkan watak-watak cereka melalui perlakuan seperti menangis, meraung kesakitan, ekspresi wajah yang cemas, postur badan yang tidak bermaya dan melalui mimik muka yang menunjukkan kerisauan.

### Perasaan Takut Dan Berani

Hasil temu bual menunjukkan peserta kajian menyatakan wujudnya perasaan takut dan perasaan berani yang silih berganti sepanjang penglibatan dalam Teater Forum. Sedutan temu bual berikut menunjukkan pengakuan mereka.

Pelajar 2: Mula-mula berlakon rasa berat juga.... kerana tak pernah berlakon dalam kelas. Dalam subjek lain pun tiada lakonan. Macam ada rasa kekok, malu,takut berlakon di hadapan pelajar... rasa janggal ...takut lupa dialog..nanti orang ketawa kita .. [smk Sinar/z012/temkumfokus/gelu2/28.2.13]

Pelajar 5: Dalam Gelung 1, kami takut juga...sebab tak pernah berlakon...tak yakin dan tak berani. Ramai kawan-kawan tak mahu lakon kerana tak '*confident*'..sebab itu lakonan anti-model kumpulan kami tak bagus [smk Sinar /z012/temkumfokus/gel 2/ /012/28.2.13]

Ternyata, perasaan takut dan tidak berani masih menyelubungi peserta menyebabkan mereka ragu-ragu untuk melibatkan diri dalam lakonan anti-model dan intervensi. Dalam catatan jurnal peserta mengaku bahawa mereka sedar akan perasaan yang dialami seperti rasa takut untuk berdiri di hadapan kelas, dan apa lagi berlakon di hadapan murid lain. Namun pengalaman lakonan intervensi telah membangkitkan rasa berani dalam diri mereka. Berikut ialah antara catatan jurnal yang menjadi bukti pengakuan mereka.

Saya sekarang menjadi jauh lebih berani dari dulu. Dalam lakonan intervensi saya berani berlakon sebagai polis yang garang. Aktiviti ini dapat mengembangkan sifat dalam diri saya dengan mewujudkan keberanian saya. [smk Suria/Jur/gel 1/6.2.13]

Lakonan intervensi, membentuk perasaan saya kerana lakonan ini memberi kesedaran moral tentang perlunya perasaan berani semasa berlakon dan tidak perlu terlalu malu. Sebab saya tahu, saya berlakon di kelas saya saja. Walaupun tak ada pengalaman saya berani berlakon di hadapan kelas.[smk Suria/Jur/gel 2/12.3.13]

Lakonan intervensi, dan sesi forum dapat mengembangkan sifat dalam diri saya iaitu berani bersuara, tidak takut untuk berlakon [smk Sinar/Jur/gel 3/6.3.13]

### Perasaan Gembira / Seronok

Dalam pada itu, peserta juga menyatakan bahawa Teater Forum menimbulkan rasa seronok atau gembira dalam diri mereka. Teknik ini dikatakan telah mendorong minat peserta untuk memberikan tumpuan terhadap pengajaran guru. Rujuk temu bual di bawah:

Pelajar 3: Banyak boleh belajar nilai dan perasaan orang,... kalau duduk dan tulis nota saja tidak '*interesting*', kita perlu buat aktiviti... macam lakonan intervensi moral... baru kita gembira hati..seronok... dan boleh tumpukan perhatian kepada pelajaran moral [smk Sinar/z012/temkumfokus/gelu2/28.2.13]

Emosi kegembiraan dan keseronokan peserta tentang Teater Forum ditunjukkan melalui ekspresi wajah, dan gerak isyarat seperti mengangkat tangan sambil bersorak gembira. Dalam pada itu, hasil temu bual juga menunjukkan, peserta kajian menunjukkan rasa seronok dan gembira kerana Teater Forum lebih baik daripada teknik pengajaran konvensional yang bersifat hafalan dan menyalin nota.

Pelajar 6: *No!*....Bukan *stress*...seronok.....Kita tak *tension* sekarang...kalau dulu.. ...ramai kata subjek ini *boring*... kerana selalu tulis nota..nota..saja..hafal nilai saja...cikgu kalau masuk mesti tanya nilai...jika pelajar tak hafal nilai berdiri sampai habis kelas moral...buat malu kita...sebab itu ramai ponteng kelas moral...[smk Sinar/z014/temkumfokus/gelu3/7.3.13]

Pelajar 3: Kita lebih seronok belajar moral sekarang...lebih gembira dengan subjek moral...*we looking forward for moral time* (teruja untuk menghadiri kelas moral) kerana ...ada aktiviti yang melibatkan kami semua..ia lebih menarik dan...seronok...saya suka moral..ehhhhh.... (sambil ketawa) .....[smk Suria/z015/temkumfokus/gelu3/9.4.13]

Catatan jurnal juga menunjukkan, peserta lebih seronok melakonkan watak protagonis seperti watak Tan (watak cereka), yang baik, bersopan santun dan bertanggungjawab. Mereka menunjukkan emosi tidak menyokong perwatakan negatif dalam kehidupan harian.

Saya berlakon sebagai watak Tan dalam lakonan intervensi. Saya menjadi watak yang baik dan minta maaf kepada guru kaunseling...lepas minta maaf saya rasa gembira dan ucapkan terima kasih. Saya seronok berlakon sebagai watak yang baik. [smk Cahaya/Jur/gel 2/9/3/13]

Dalam pada itu, pemerhatian selepas lakonan intervensi menunjukkan peserta mempamerkan perasaan gembira dan seronok. Mereka bersorak gembira, berpeluk-pelukan (sesama lelaki) dan (berjabat tangan)sambil mengucapkan tahniah sesama anggota kumpulan. Ada juga menunjukkan emosi lega dengan menarik nafas panjang sambil mengurut-urut dada dengan tangan. Anggota kumpulan juga bertepuk secara beramai-ramai. Suasana kelas itu dipenuhi dengan emosi yang positif. [rkmn vdo/smk Cahaya/gel 3/shah/10.4.13]

### **Perasaan Bangga**

Kesedaran yang timbul hasil tontonan lakonan anti-model, mendorong pencetusan emosi seperti perasaan bangga ke dalam diri peserta. Catatan jurnal menunjukkan peserta bangga menjadi watak polis yang baik dan bersopan santun. Rujuk catatan jurnal di bawah:

Bila saya berlakon dalam lakonan intervensi saya bangga dapat tunjukkan perasaan sebagai seorang polis yang adil kepada Wilson. Wilson pun terima saman yang saya beri kerana dia salah tak bawa lesen. [smk Sinar/Jur/gel 1 /23.1.13]

Aktiviti tadi dapat mengembangkan perasaan hormat kepada polis dan bangga jadi pengguna warganegara jalan raya yang baik. Saya bangga dengan kejayaan lakonan saya dan kumpulan saya. [smk Suria/Jur/gel 1 /6.2.13]

Catatan jurnal di atas, menunjukkan peserta kajian mengaku lakonan intervensi dapat membangkitkan perasaan bangga menjadi seorang anggota polis (watak cereka) yang adil. Lakonan intervensi juga dapat mengembangkan perasaan hormat kepada polis di samping bangga menjadi pengguna jalan raya yang mematuhi undang-undang jalan raya.

### **Perasaan Marah /Geram**

Dapatan kajian juga menunjukkan faktor penglibatan secara langsung oleh peserta dalam lakonan menjadi pemangkin untuk mencetuskan pelbagai perasaan sendiri seperti perasaan marah dan geram. Dalam pada itu, catatan jurnal peserta juga membuktikan pelakon memahami dan menyatakan perasaan marah yang timbul, semasa menghadapi sesuatu situasi. Mereka mengaku penghayatan watak yang dilakonkan, telah mengukuhkan perasaan diri mereka. Menurut peserta kajian:

Lakonan anti-model dan intervensi saya dan kumpulan buat sendiri dan kita lakon sendiri. Saya dapat faham perasaan marah, apabila saya dimarahi oleh polis. Sebagai Wilson saya marah polis. [smk Cahaya/Jur/gel 1/3.2.13]

Hasil pemerhatian juga menunjukkan, dalam sesi forum peserta dapat menunjukkan perasaan tidak puas hati mereka dengan menyatakan bahawa mereka berasa marah terhadap anggota polis (watak cereka) yang tidak melayan watak Wilson dengan baik. Reaksi terhadap lakonan anti-model, telah menonjolkan emosi marah dan rasa tidak puas hati dalam kalangan peserta kajian. [smk Cahaya/propemer /gel 1/shah aiza/30.1.2013]

Manakala pemerhatian dalam gelung kedua (skrip C dan D) menunjukkan dalam lakonan anti-model, peserta yang melakonkan watak guru sukan (watak cereka) dapat menunjukkan emosi negatif seperti marah dan menengking pelajar. Peserta mahu watak guru perlu menguruskan emosi untuk disesuaikan dengan peraturan sosial dalam sekolah. Pelajar yang melakonkan watak Amri (watak cereka) yang dimarahi pula mampu menunjukkan perasaan sedihnya



melalui raut wajahnya dan melalui tingkah laku mendiamkan diri dan menundukkan kepala. [smk Suria/propemer/gel 2/ yoka/11.3.13]

### Perasaan Insaf

Hasil kajian menunjukkan, selepas lakonan anti-model selesai, peserta menunjukkan perasaan insaf dan memaafkan kesalahan orang. Perasaan insaf dan rasa bersalah pula cuba diatasi oleh Tan (watak cereka) dengan bertindak meminta maaf kepada watak guru kaunseling. Peserta juga menunjukkan mereka mengaku penghayatan watak yang dilakonan, mengukuhkan perasaan sendiri mereka.

Semasa melakonkan lakonan intervensi menjadi watak Tan, saya sudah menyedari kesalahan saya. Saya sudah insaf dan minta maaf dengan guru kaunseling. Lepas minta maaf saya gembira. Saya yakin saya jadi pelajar yang baik, selepas lakonan ini.[smk Sinar/Jur/gel 2/27.2.13]

Peserta kajian mahukan hubungan kekeluargaan di antara watak-watak cereka harus menjurus kepada memberikan faedah dari segi emosi kepada mereka. Catatan jurnal di bawah ini menunjukkan, perkembangan kesedaran peribadi individu serta 'perluasan' pendedahan sendiri (*self disclosure*) peserta kajian. Peserta mengaku lakonan intervensi menjadikan mereka sedar akan emosi yang wujud dalam diri seseorang yang memegang watak-watak cereka seperti watak ayah, ibu dan adik.

Saya berlakon sebagai watak adik dalam lakonan intervensi. Dalam lakonan intervensi, saya dapat rasakan bahawa saya macam disayangi oleh watak ibu bapa, abang dan kakak saya. Suasana keluarga yang harmoni, dan sayang-menyayangi menyebabkan saya insaf dan suka lakonan intervensi ini.[smk Sinar/Jur/gel 3/6.3.13]

### PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan Teater Forum mampu mengembangkan aspek emosi moral peserta kajian. Murid kelas Pendidikan Moral tingkatan empat mengaku dapat memperluas unsur emosi moral dan sedar akan pelbagai perasaan yang wujud dalam diri sendiri. Ternyata, teknik Teater Forum sesuai digunakan untuk mengkaji aspek emosi moral, dalam suasana yang kondusif, aktif dan menggembarakan murid. Keempat-empat langkah Teater Forum, telah memberikan peluang kepada murid untuk mencetus dan menyuburkan emosi moral khususnya dari aspek mencelikkkan pelbagai perasaan sendiri yang wujud dalam diri mereka. Jelasnya, hasil kajian mengesahkan dakwaan Boal (1995) bahawa pembelajaran melalui Teater Forum memberikan pengalaman emosi yang menjadi "latihan" untuk kehidupan sebenar.

Dapatan kajian juga menunjukkan Teater Forum ialah satu bentuk pembelajaran aktif, kerana teknik ini menggabungkan aksi dan perasaan. Teknik ini memberi peluang kepada peserta untuk mempraktikkan perasaan yang wujud dalam diri secara lebih praktikal dalam lakonan anti-model dan intervensi. Teater Forum memberikan peluang kepada individu untuk merasai sendiri emosi yang terbit dalam diri melalui pengalaman yang dibekalkan kepada mereka. Hal ini juga mengesahkan pandangan Levy (1997), bahawa teater adalah pendekatan terbaik untuk mendidik emosi murid. Menurut Levy (1997):

*the best way for human being to gain self-knowledge about our human feelings is through the exhibition of those feelings, in all their depth, variety, and nuance, in the theatre, the theatre being the best "species of moral writing" for instruction in feeling (p. 72).*

Murid juga telah menunjukkan perasaan gembira dan bangga setelah melakukan sesuatu tingkah laku yang positif serta menunjukkan perasaan malu dan rasa bersalah setelah melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan ahli kumpulan mereka. Dapatan kajian ini juga selaras dengan aspirasi program Pendidikan Moral di negara Malaysia iaitu murid perlu berasa gembira membuat apa yang betul dan berasa bersalah jika membuat sesuatu yang tidak bermoral (Huraian Sukatan pelajaran Pendidikan Moral KBSM, Tingkatan IV, 2004). Kesedaran begini sedikit sebanyak menjadi benteng kepada murid untuk tidak melibatkan diri dalam gejala anti-sosial lantas membina masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika.

Manakala konsep *role taking* dan *role reversal* dalam lakonan intervensi pula, menjadi langkah pertama untuk seseorang memahami diri sendiri dan orang lain sebagai subjek yang sama dengan dirinya. Menurut Colby dan Kohlberg (2011) konsep *role taking* dan *role reversal* menjadi asas kepada proses perkembangan moral, interpersonal dan sosial.

## KESIMPULAN

Ternyata, Teater Forum dapat mendorong penglibatan murid dalam meneroka konflik moral yang dihadapi dalam kehidupan harian mereka. Pelbagai emosi dialami oleh murid, sama ada sebagai peserta yang melalui keempat-empat proses Teater Forum mahupun sebagai watak-watak cereka yang melaksanakan lakonan anti-model dan intervensi. Selain mengenali emosi sendiri, murid juga sedar dan mahir dalam “mengendalikan” perasaan tertentu dan berbeza dalam menghadapi sesuatu situasi di bilik darjah. Jelasnya, di samping menjadi pedagogi pengajaran Pendidikan Moral, Teater Forum juga mendidik emosi moral, yang merupakan elemen penting dalam menentukan tingkah laku murid. Hal ini kerana emosi yang betul dapat mengendalikan pemikiran dan perlakuan seseorang untuk menjadi manusia berakhlak.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Md. Aroff, & Chang, L.H. (1994 ). *Pendidikan Moral (dinamika guru)*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Abdul Shatar bin Che Abdul Rahman. (2009). *Pengetahuan Kandungan dan Pedagogi guru Pendidikan Moral tingkatan empat di sebuah sekolah*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Babbage, F. (2004). *Augusto Boal*. New York: Routledge.
- Basourakos, J. (1999). Moral voice and Moral choices: Canadian drama and Moral pedagogy. *Journal of Moral Education*, 28(4), 475-489.
- Boal, A. (2008). *Theatre of the oppressed* (new edition). London: Pluto Press.
- Chang, L. H. (2003, April). *Pendekatan terkini dalam Pendidikan Moral*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Kursus Orientasi Jurulatih Utama Pendidikan Moral KBSR/KBSM (semakan), Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chia, Y. L. (2007). *Alternative Method of Teaching Moral Values: Concretization Of Moral Values*. Diakses daripada [www.ipbl.edu.my/bm/penyelidikan/.../2007/.../chiabengkelIPSfp.pdf](http://www.ipbl.edu.my/bm/penyelidikan/.../2007/.../chiabengkelIPSfp.pdf)
- Colby, A., & Kohlberg, L. (2011). *The measurement of moral judgement volume I*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Day, L. (2002). Putting yourself in other people’s shoe’s: the use of forum theatre to explore refugee and homeless issues in schools. *Journal of Moral Education*, 31(1), 21-34.
- Dewey, J. (1909). *Moral principles in education*. Carbondale, IL, Southern Illinois University Press.
- Durden, E. (2003). Problem Solving Theater. A case study of the use of participatory Forum theatre to explore HIV/AIDS issues in the workplace. Diakses daripada [Ccms.ukzn.ac.za/index.php?option=content&task](http://Ccms.ukzn.ac.za/index.php?option=content&task)
- Freed, D. M. D. (2009). *Exploring ‘The Prodigal Son’ through Augusto Boal’s Forum Theatre with Seventh-day Adventist academy drama students*. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Arizona State University, United States. AAT 3354453.
- Gourd, K. M., & Gourd, T.Y. (2011). Enacting Democracy: Using Forum Theatre to Confront Bullying. *Equity & Excellence in Education*, 44 (3), 403-419.
- Hammond, N. (2012). Introducing Forum theatre to elicit and advocate children’s views. *Educational Psychology in Practice: theory, research and practice in educational psychology*. Diakses daripada <http://dx.doi.org/10.1080/02667363.2012.733309>
- Hewson, A. (2007). Emotions as data in the Act of Jokering Forum Theatre. *International Journal of Education & the Arts*, 8 (18), 1-29. Diakses daripada <http://www.ijea.org/v8n18/>

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, Tingkatan IV*. Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The Action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.
- Kincheloe, J. (2008). *Knowledge and critical pedagogy: An introduction*. Amsterdam: Springer.
- Kolb, D.A. (1984). *Experiential Learning: Experience as the source of learning and development*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Levy, J. (1977). Theatre and moral education. *Journal of Aesthetic Education*, 31, 65-75.
- Liau, A. K., Liau, A.W.L., Teoh, G.B.S., & Liau, M.T.L.(2003). The Case for Emotional Literacy: The influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students. *Journal of Moral Education*, 32(1), 51-66.
- Lovat, T., & Clement, N. (2008). Quality teaching and values education: coalescing for effective learning. *Journal of Moral Education*, 37(1), 1-16.
- Mayhew, M. J., & King, P. (2008). How curricular content and pedagogical strategies affect moral reasoning development in college students. *Journal of Moral Education*, 37 (1), 17- 40
- Noddings, N. (1994). Conversation as Moral Education. *Journal of Moral Education*, 23(2), 107-118.
- Osburn, K.M. (2010). Forum Theatre Empowering Students to speak, Act and Know. Kertas Projek, Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Western Kentucky University. Diakses daripada [http://digitalcommons.wku.edu/stu\\_hon\\_theses/245](http://digitalcommons.wku.edu/stu_hon_theses/245)
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Diakses daripada [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- Richards, L., & Morse, J. M. (2007). *Readme first for a user's guide to qualitative methods*. London, UK: Sage.
- Vishalache Balakrishnan. (2009). *Teaching Moral Education in Secondary schools using real-life dilemmas*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Victoria University of Wellington.
- Vishalache Balakrishnan. (2011). *Real-life Dilemmas in Moral Education*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
- Wan, J. W. (2010). Transgressive local act: tackling domestic violence with forum and popular theatre in Sisterhood Bound as Yuan Ze Flowers. *RiDE: The Journal of Applied Theatre and Performance*, 15 (3), 413-429.
- Winston, J. (1999). Theorising drama as moral education. *Journal of Moral Education*, 28(4), 459-471.